

KATEGORI: OPERASI

BIL.	PERKARA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN
1.	Waran Peruntukan (WP)	Kesilapan mengunci masuk waran semasa pengagihan menggunakan jenis urusniaga F1 – WP Asal oleh PTJ Tier 1 (24 PTJ Tier 1 cth : Jabatan Kesihatan Negeri, Bahagian Khidmat Pengurusan dll)	<p>Sekiranya dokumen berstatus 80 (telah mempunyai nombor dokumen kawalan) dan peruntukan masih belum dibelanjakan, PTJ Tier 1 boleh membuat pembetulan dengan mengunci masuk jenis urusniaga F7 – WP Batal dan membatalkan keseluruhan dokumen atau;</p> <p>PTJ Tier 1 boleh membuat waran peruntukan tarik bagi menarik semula urusniaga yang tersilap diagihkan kepada PTJ Tier 2/3 dengan menggunakan jenis urusniaga F3 – WP Asal Tarik. PTJ perlu meletakkan baris chargeline yang tersilap semasa F1 dan perlu menukar simbol (-).</p> <p>Seterusnya PTJ perlu mengagihkan semula WP kepada PTJ dengan menggunakan jenis urusniaga F1 (sekiranya ada).</p>
2.	Waran Peruntukan (WP)	Kesilapan mengunci masuk waran semasa pengagihan menggunakan jenis urusniaga F4 – WP Kecil oleh PTJ Tier 2 (Cth : TPKN Pergigian) kepada PTJ Tier 3 (Cth : TPKN Pergigian Daerah)	<p>Sekiranya dokumen berstatus 80 (telah mempunyai nombor dokumen kawalan) dan peruntukan masih belum dibelanjakan, PTJ Tier 2 boleh membuat pembetulan dengan mengunci masuk jenis urusniaga F7 – WP Batal dan membatalkan keseluruhan dokumen atau;</p> <p>PTJ Tier 2 boleh membuat waran peruntukan tarik bagi menarik semula urusniaga yang tersilap diagihkan kepada PTJ Tier 3 dengan menggunakan jenis urusniaga F5 – WP Kecil Tarik. Bagi jenis urusniaga F5, PTJ perlu meletakkan baris chargeline iaitu chargeline PTJ yang ditarik i.e PTJ Tier 3, simbol (-) dan chargeline PTJ yang menerima i.e PTJ Tier 2, simbol (+).</p> <p>Seterusnya PTJ perlu mengagihkan semula WP kepada PTJ yang sepatutnya dengan menggunakan jenis urusniaga F4 (sekiranya ada).</p>
3.	Waran Peruntukan (WP)	Sekiranya PTJ Tier 1 telah mengagihkan WP kepada PTJ Tier2/3, adakah PTJ Tier2/3 perlu membuat Akuan Terima?	Tidak . Bagi jenis urusniaga F1 sehingga F3, PTJ TIDAK perlu membuat Akuan Terima. PTJ mendapatkan maklumat agihan daripada PTJ Tier 1 dan membuat semakan di Laporan Umum – Laporan Kedudukan Vot/Dana dan memasukkan kod PTJ Membayar i.e PTJ Menerima.

4.	Waran Peruntukan (WP)	Adakah PTJ Tier 3 perlu membuat Akuan Terima setelah agihan dibuat oleh PTJ Tier 2?	Ya. PTJ Tier 3 perlu membuat akuan terima setelah menerima WP daripada PTJ tier 2. Ini kerana semasa pengagihan dibuat PTJ Tier 2 telah memilih urusan F4 – WP kecil dan bagi urusan F4 – F5, PTJ perlu membuat Akuan Terima .
5.	Waran Peruntukan (WP)	Adakah PTJ perlu membuat WP – Kosong, F0 bagi gaji dan pukal?	<p>Sekiranya agihan sempat dibuat menggunakan F1 atau F4 sebelum larian gaji dan bayaran pukal oleh Pejabat Perakaunan, maka PTJ tidak perlu membuat WP F0.</p> <p>Namun sekiranya agihan belum sempat dibuat, PTJ perlu menyediakan F0 bagi membolehkan perbelanjaan diproses semasa larian gaji dan pukal..</p>